

# BNM saran pemusatan kuasa bagi teraju inisiatif rumah mampu milik

**KUALA LUMPUR:** Bank Negara Malaysia (BNM) menyarankan kewujudkan satu pihak berkuasa pusat bagi menerajui, menyelia dan menyelaras inisiatif perumahan mampu milik untuk negara, khususnya dalam merangsang kesatuan operasi dan strategi yang lebih luas pada peringkat nasional.

Menurut Timbalan Gabenor Shaik Abdul Rashid Abdul Ghaffour, kewujudan satu dasar awam yang kukuh, inovatif dan terselaras adalah penting untuk menangani cabaran perumahan mampu milik.

“Antara lain, pihak berkuasa ini dengan kajian serta kemas kini, mampu membantu mengawal keadaan yang akan melonjakkan kos pembekalan rumah mampu milik.

“Ia juga boleh menerajui komunikasi yang lebih efektif dan membina kerjasama yang kuat dengan rakan-rakan kongsi utama bagi memajukan agenda perumahan mampu milik,” katanya pada Dialog Pembangunan Mampu Rumah Mampu Milik di Sasana Kijang, BNM, Selasa lalu.

Banyak yang boleh dibuat untuk meningkatkan kesedaran termasuk kadar ambilan bagi program bantuan kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan seperti Skim Rumah Pertamaku, Skim Jaminan Kredit Perumahan,

Skim Deposit Rumah Pertama dan Skim Pembiayaan Fleksibel untuk pembeli rumah PRIMA.

Dialog tersebut dikendalikan oleh Pengerusi Cagamas Holdings Bhd Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dan menampilkan wakil Bank Dunia, Abhas K. JHA, Pengurus Amalan, Perbandaran dan Pengurusan Risiko Bencana Asia Timur dan Pasifik, Datuk Abdul Rahim Ishak serta Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara Datuk Abdul Rahim Ishak.

Peserta lain termasuk Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Bhd/ Pengarah Urusan Institut Penyelidikan Khazanah Datuk Charon Mokhzani dan Ketua Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Pembeli-Pembeli Rumah Kebangsaan Malaysia Chang Kim Loong.

Mereka berkongsi pandangan dan pengetahuan ke atas subjek-subjek seperti perspektif global mengenai peruntukan perumahan mampu milik, inisiatif dan wawasan kerajaan Malaysia, kajian kes termasuk cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pembeli rumah kali pertama.

Kerajaan adalah komited untuk membina kira-kira 1,287,532 unit rumah mampu milik pada tahun 2017. Sepanjang dialog, isu-isu utama dan cabaran dalam perumahan mampu milik telah dikenal pasti.

Antara idea yang terpenting ialah keperluan bagi mewujudkan satu dasar awam yang kukuh, inovatif dan terselaras untuk menangani cabaran sedia ada.

Iniperlu ada pada pihak berkuasa pusat yang menerajui, menyelia dan menyelaras inisiatif perumahan mampu milik negara, kata Cagamas Holdings, penganjur dialog, dalam satu kenyataan kelmarin.

Adalah dipersetujui bahawa dasar kerja yang baik mengenai perumahan mampu milik harus merangkumi sumber-sumber awam yang disasarkan, penyertaan oleh sektor swasta serta persekitaran kawal selia yang telus dan pantas.

Reka bentuk kawasan kejiranan dan perbandaran adalah penting, sebagai contoh, sesuatu bandar itu tidak sepatutnya didiami oleh hanya kumpulan berpendapatan tinggi dan inisiatif seperti program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) harus dipertingkatkan untuk mencipta pelbagai golongan di bandar dan kota raya.

Skim Sewa Untuk Dimiliki (RTO) harus dipertimbangkan dalam dasar perumahan, memandangkan dalam keadaan semasa, pendapatan B40 dan M40 tidak akan mampu memiliki rumah berikutan harga yang semakin melambung. — Bernama